



Ruj. Kami :KUIM/HEPA/ UP/07/2019(12)

Tarikh : 17 Jun 2019
13 Syawal 1440H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Perkara	MAKLUMAN PERLANJUTAN WAKTU PELEPASAN KELUAR / MASUK KAMPUS
Kepada	Semua Pelajar Rumsis Siswa dan Siswi
Daripada	Pengarah HEPA
Salinan Kepada :	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Timbalan Pengarah HEPA ➤ Penyelia/Felo Rumsis ➤ Penolong Pegawai Keselamatan ➤ Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas, dan keputusan **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil 4/2019** bertarikh 15/05/2019 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan, berkuatkuasa pada **sesi I (Jun) 2019/2020**, waktu pelepasan keluar/masuk kampus (*outing*) atau pulang dari kampung bagi pelajar KUIM adalah dilanjutkan sehingga **jam 10.00 malam**.

3. Pelajar yang **lewat masuk kampus** (keluar/masuk kampus (*outing*) atau pulang dari kampung) **selepas jam 10.00 malam** tanpa alasan yang kukuh dan munasabah akan dikenakan **tindakan tatatertib**. Walau bagaimanapun pelajar yang dihantar oleh ibu/bapa/penjaga atau mahram boleh dipertimbangkan.

4. Kebenaran bagi kategori pelawat (ibu/bapa/penjaga & mahram) pula adalah seperti berikut :

Waktu Melawat

Hari	Masa
Isnin – Jumaat	5.00 petang – 7.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	8.00 pagi – 7.00 petang

5. Kerjasama dan perhatian dari pihak mahasiswa/i amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

"MELAKA BERWIBAWA"

"PINTAR, HIJAU, BERSIH"

"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"

Saya yang menjalankan amanah,

(BAHAROM BIN SAID)